



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

BAHASA MELAYU SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

TAHUN ENAM

KANDUNGAN

RUKUN NEGARA	2
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	3
KATA PENGANTAR	
PENDAHULUAN	4
TUNJANG KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH	5
MATLAMAT	6
OBJEKTIF	6
FOKUS	7
ORGANISASI KANDUNGAN KURIKULUM	7
Standard Kurikulum	7
Kemahiran Bahasa	8
Pendekatan Modular	8
Sistem Bahasa	9
Pengisian Kurikulum	12
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	15
Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur	28
Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca	33
Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis	38
Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Aspek Seni Bahasa	42
Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Aspek Tatabahasa	44
Glosari	47



Rukun Negara

BAHAWASANYA negara kita Malaysia

mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama-sama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Dunia pendidikan mengalami perkembangan yang sangat dinamik dalam arus globalisasi. Perkembangan ini juga menuntut perubahan dalam kurikulum. Seiringan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum.

Selaras dengan perubahan tersebut, Kurikulum Bahasa Melayu turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya hingga terhasil Standard Kurikulum Bahasa Melayu. Standard yang diketengahkan ini mengandungi Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Standard Kurikulum ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai murni yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid-murid di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).

Penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Melayu berpaksikan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Standard ini menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan juga sebagai bahasa pengantar di sekolah. Standard ini turut menitikberatkan penggabungjalinan kemahiran bahasa, penyerapan ilmu dan nilai murni. Standard Kurikulum Bahasa Melayu boleh dijadikan pemangkin untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

Pada asasnya, pembinaan kerangka standard ini berdasarkan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Standard ini mengetengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur bagi mencungkil potensi murid untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Seterusnya, membolehkan murid memperkembangkan keupayaan dan penguasaan kemahiran bahasa, serta berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan.

Standard Kurikulum Bahasa Melayu mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kepelbagaian pengajaran dan pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid turut diberi penekanan. Selain itu, aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah turut dijadikan landasan bagi membina keyakinan diri, mengetengahkan bakat, memupuk sifat kepemimpinan, dan ketokohan murid dalam pelbagai bidang. Aktiviti kokurikulum juga berupaya memantapkan penguasaan berbahasa murid serta menyokong pelaksanaan Standard Kurikulum Bahasa Melayu.

TUNJANG KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Standard Kurikulum Bahasa Melayu dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Literasi Sains dan Teknologi; Fizikal dan Estetika; dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.



Rajah 1: Standard Kurikulum Berasaskan Enam Tunjang

Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berketerampilan seperti yang terdapat dalam Rajah 1.

1.0 MATLAMAT

Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

2.0 OBJEKTIF

Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah berkeupayaan untuk:

- i. mendengar, mengecam, mengajuk dan menentukan arah bunyi persekitaran dengan teliti dan betul;
- ii. mendengar, memahami dan menyebut bunyi bahasa iaitu abjad, perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- iii. mendengar, memahami dan memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul;
- iv. bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal dengan betul secara bertatasusila;
- v. bercerita sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar, dibaca dan ditonton menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- vi. berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila;
- vii. berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila;
- viii. membaca pelbagai perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul;
- ix. membaca, memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- x. membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul;
- xi. membaca dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan;
- xii. membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca;
- xiii. melakukan aktiviti pramenulis dengan betul;
- xiv. menulis secara mekanis dengan betul dan kemas;
- xv. membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- xvi. menulis imlak dengan tepat;
- xvii. mencatat dan menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun;
- xviii. menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul;
- xix. mengedit dan memurnikan hasil penulisan;
- xx. menulis ulasan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber;
- xxi. menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan; dan
- xxii. menghayati dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

3.0 FOKUS

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa. Pada Tahap I, murid-murid perlu menguasai asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Ini bermakna konsep kembali kepada asas (*back to basic*) diberi penekanan yang khusus. Penekanan juga diberikan kepada pembelajaran yang menyeronokkan yang berkonsepkan aktiviti didik hibur. Pada Tahap II pula, penekanan diberikan kepada pengukuhan dan aplikasi kemahiran bahasa. Melalui penguasaan kemahiran bahasa ini, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata di samping memupuk minat membaca. Penguasaan tatabahasa yang baik dapat membantu murid menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti. Aktiviti didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan pelbagai pendekatan dan teknik seperti nyanyian dan permainan serta penggunaan pelbagai bahan yang menarik dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran.

4.0 ORGANISASI KANDUNGAN KURIKULUM

4.1 Standard Kurikulum

Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran ini berpaksikan Kemahiran Bahasa dan Sistem Bahasa yang disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum.

Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Standard ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid.

Standard Kandungan

Pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran

Pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid bagi setiap standard kandungan.

4.2 Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu dan pendekatan modular. Kemahiran bahasa meliputi kemahiran seperti berikut:

- 4.2.1 Kemahiran Mendengar
- 4.2.2 Kemahiran Bertutur
- 4.2.3 Kemahiran Membaca
- 4.2.4 Kemahiran Menulis

4.3 Pendekatan Modular

Standard Kurikulum Bahasa Melayu distrukturkan dengan menggunakan pendekatan modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik. Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terdapat lima modul iaitu Modul Mendengar dan Bertutur, Modul Membaca, Modul Menulis, Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa. Tiga modul yang pertama berasaskan empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa menyokong modul-modul tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa murid.

4.3.1 Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur memberi penekanan pada kemahiran mendengar dan bertutur. Kemahiran mendengar merujuk pada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur pula merujuk keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur.

4.3.2 Modul Kemahiran Membaca

Modul Kemahiran Membaca memberikan tumpuan pada kemahiran membaca di samping penggabungjalinan kemahiran bahasa yang lain. Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca. Di samping itu, melalui modul kemahiran membaca murid juga berupaya menghayati teks yang dibaca.

4.3.3 Modul Kemahiran Menulis

Modul Kemahiran Menulis pula berfokuskan kemahiran menulis. Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

4.3.4 Modul Seni Bahasa

Modul Seni Bahasa merujuk aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran modul ini, murid menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

4.3.5 Modul Tatabahasa

Modul Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan dan bertulis.

4.4 Sistem Bahasa

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

4.4.1 Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis;

i. Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama.

a. Struktur kata merujuk pada pola suku kata bagi:

- kata asli bahasa Melayu
- kata pinjaman bahasa Melayu

b. Bentuk kata terdiri daripada:

- kata tunggal
- kata terbitan
- kata ganda
- kata majmuk

c. Proses pembentukan kata meliputi:

- pengimbuhan
- penggandaan
- pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata ini, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baharu dalam proses pengimbuhan.

d. Golongan kata terdiri daripada:

- kata nama
- kata kerja
- kata adjektif
- kata tugas

ii. **Sintaksis**

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- a. Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat
- b. Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan

- c. Ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
- e. Binaan ayat:
 - ayat dasar
 - ayat tunggal
 - ayat terbitan atau ayat majmuk
- f. Proses ayat terbitan:
 - proses penggantian
 - proses pengguguran
 - proses penyusunan semula
 - proses peluasan

4.4.2 Sistem Ejaan

Tanda baca penting dikuasai dalam komunikasi tulisan untuk memastikan keselarasan dan juga makna yang tepat. Misalnya, koma dan tanda noktah mewakili hentian dalam pertuturan. Penggunaan tanda baca yang betul dapat mewakili intonasi dalam bacaan dan penulisan.

Perkara yang diberikan penekanan ialah:

- i. Pola keselarasan huruf vokal
- ii. Ejaan kata pinjaman
- iii. Ejaan kata dasar dan kata terbitan

4.4.3 Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

- i. **Sebutan** diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku.
- ii. **Intonasi** ayat bahasa Melayu yang betul hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:
 - a. ayat penyata
 - b. ayat tanya
 - c. ayat perintah
 - d. ayat seruan
 - e. ayat terbalik atau songsang
 - f. ayat aktif
 - g. ayat pasif

4.4.4 Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkatkan dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata-mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

4.4.5 Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Nota:

Buku Tatabahasa Dewan Edisi Terkini ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

5.0 PENGISIAN KURIKULUM

Pengisian kurikulum mengambil kira elemen merentas kurikulum iaitu unsur-unsur yang diserap dalam setiap mata pelajaran. Elemen Merentas Kurikulum ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Penerapan elemen ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Pengisian kurikulum tersebut merangkumi perkara-perkara yang berikut:

5.1 Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu dalam bidang sains, dan geografi dapat digunakan untuk memperkembangkan ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu lain yang berkaitan dengan hal-hal semasa juga boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

5.2 Kemahiran

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis merupakan kemahiran yang mesti dilaksanakan. Selain itu, kemahiran merentas kurikulum tidak diketepikan, malah turut ditekankan dalam KSSR yang meliputi pelbagai kemahiran yang boleh membantu mempertingkatkan pengetahuan dan

potensi diri murid. Kemahiran menggunakan teknologi maklumat merupakan antara kemahiran merentas kurikulum yang diaplikasikan dalam pengajaran Bahasa Melayu.

5.3 Nilai Murni

Penyerapan nilai murni dalam Kurikulum Bahasa Melayu bertujuan melahirkan insan yang berketerampilan dan memiliki akhlak yang mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan murni dapat membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berkeperibadian luhur. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni dalam masyarakat Malaysia harus dipupuk secara langsung atau tidak langsung selaras dengan nilai-nilai sejagat. Antara nilai murni ialah:

- 5.3.1 Baik hati
- 5.3.2 Berdikari
- 5.3.3 Hemah tinggi
- 5.3.4 Hormat-menghormati
- 5.3.5 Kasih sayang
- 5.3.6 Keadilan
- 5.3.7 Kebebasan
- 5.3.8 Keberanian
- 5.3.9 Kebersihan fizikal dan mental
- 5.3.10 Kejujuran
- 5.3.11 Kerajinan
- 5.3.12 Kerjasama
- 5.3.13 Kesederhanaan
- 5.3.14 Kesyukuran
- 5.3.15 Rasional
- 5.3.16 Semangat bermasyarakat

5.4 Patriotisme

Elemen patriotisme dalam pendidikan Bahasa Melayu mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan negara, serta berbangga sebagai rakyat Malaysia. Semangat patriotisme dipupuk melalui mata pelajaran dan aktiviti kokurikulum bertujuan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri, cinta akan bahasa dan bangsa, serta meningkatkan komitmen individu terhadap negara.

5.5 Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam Kurikulum Bahasa Melayu merangkumi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

5.6 Sains dan Teknologi

Penerapan empat unsur sains dan teknologi dalam mata pelajaran lain dilaksanakan melalui kandungan, aktiviti dan bahan atau prasarana. Antara unsurnya ialah pengetahuan sains dan teknologi, kemahiran saintifik dan penggunaan teknologi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

5.7 Pendidikan Alam Sekitar

Pendidikan alam sekitar bertujuan untuk menanam sikap mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid. Aktiviti berkaitan dengan alam sekitar boleh memberikan kesedaran dan membentuk etika murid untuk menghargai alam.

5.8 Kreativiti dan Inovasi

Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran KSSR bagi membangun dan mengembangkan tahap potensi kreativiti mengikut keupayaan individu murid. Selain itu, kreativiti merujuk kepada tindakan penghasilan idea, pendekatan atau tindakan baharu. Inovasi pula ialah proses menjana idea dan mengaplikasi idea, serta kreatif dalam konteks tertentu. Kreativiti dan inovasi perlu digandingkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membangunkan modal insan yang dihasratkan.

5.9 Keusahawanan

Elemen keusahawanan merentas kurikulum merupakan satu pendekatan membudayakan keusahawanan. Proses ini melibatkan pembentukan sikap keusahawanan serta amalan nilai moral dan etika dalam keusahawanan. Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

5.10 Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) diaplikasikan dan diintegrasikan supaya murid dapat belajar mengenai perkakasan dan perisian. Selain itu, guru dan murid menggunakan TMK sebagai alat untuk mengajar dan belajar. Murid juga

belajar melalui TMK untuk mengakses maklumat dan ilmu pengetahuan menggunakan media TMK seperti internet dan lain-lain untuk meluaskan penerokaan ilmu pengetahuan dalam urusan kehidupan.

6.0 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

6.1 Prinsip 5P

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSR, strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu perlu menekankan prinsip 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan. Hal ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Strategi pengajaran dan pembelajaran tersebut adalah seperti yang berikut:

6.1.1 Penggabungjalinan

Penggabungjalinan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Cara ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam proses pembelajaran. Kemahiran dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang terdapat dalam standard kandungan.

6.1.2 Penyerapan

Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata-mata pelajaran lain, nilai murni masyarakat Malaysia serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran yang lain membolehkan murid menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

6.1.3 Penilaian

Penilaian dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan suatu aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. Penilaian perlulah dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses penilaian berterusan segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

i. Pentaksiran Sekolah

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah komponen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, dan meningkatkan pengajaran guru serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam satu-satu proses PdP. PS

dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula daripada aspek perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan dan pelaporan. PS amat penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. PS merupakan aktiviti yang berterusan yang memerlukan komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap maksimum.

PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- a. Holistik iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
- b. Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP.
- c. Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
- d. Merujuk standard prestasi yang dibina berdasarkan standard kurikulum.

PS boleh dilaksanakan secara:

Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP.

Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

a. Pentaksiran Rujukan Standard

Standard diperkenalkan iaitu menggunakan **Standard Prestasi** untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (*growth*) pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid. Ia merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melaporkan prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran merujuk kepada pernyataan standard. Murid-murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan individu lain. Pihak sekolah mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid itu bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

b. Standard Prestasi

Standard Prestasi ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya.

Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Standard Prestasi dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Tafsiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Tahap penguasaan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan semua kemahiran bahasa secara keseluruhan merujuk Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi Bahasa Melayu KSSR.

Kerangka Standard Prestasi

Tahap Penguasaan	Huraian Tahap Penguasaan
1	Sangat Terhad
2	Terhad
3	Memuaskan
4	Baik
5	Sangat Baik
6	Cemerlang

Tahap Penguasaan adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu berdasarkan kelompok standard. **Standard** ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.

Tafsiran Umum Keseluruhan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu

Tahap Penguasaan	Huraian
1	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.
2	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan, dan latihan dalam kemahiran bahasa.
3	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.
4	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik, dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan, berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa.
5	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif, mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks, menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif, serta mengamalkan pembelajaran secara sendiri dalam kemahiran bahasa.
6	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif, berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan, mengamalkan pembelajaran secara sendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa.

Tafsiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Melayu

Tahap penguasaan ini menandakan penguasaan murid berdasarkan setiap kemahiran bahasa yang telah dikuasai sepanjang tempoh persekolahan dari Tahun Satu hingga Tahun Enam merujuk Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi Bahasa Melayu KSSR.

Tafsiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Kemahiran Mendengar Dan Bertutur

Tahap Penguasaan	Huraian
1	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberi respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap sangat terhad.
2	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberi respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap terhad.
3	Murid berupaya mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberi respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap sesuai.
4	Murid berupaya mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberi respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap kukuh.
5	Murid berupaya mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberi respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap terperinci.
6	Murid berupaya mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberi respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Tafsiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca

Tahap Penguasaan	Huraian
1	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap sangat terhad.
2	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap terhad.
3	Murid berupaya mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap sesuai.
4	Murid berupaya mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap kukuh.
5	Murid berupaya mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap terperinci.
6	Murid berupaya mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Tafsiran Keseluruhan Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis

Tahap Penguasaan	Huraian
1	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap sangat terhad.
2	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap terhad.
3	Murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap sesuai.
4	Murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap kukuh.
5	Murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap terperinci.
6	Murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Semua guru Bahasa Melayu perlu melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah dengan merujuk kepada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Kebijaksanaan guru perlu ada bagi menentukan proses PdP dilaksanakan secara berkesan dan bersesuaian. Dalam keadaan yang sama, guru perlu mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi dalam kelompok yang telah disusun. Guru seharusnya

memberi peluang kepada setiap muridnya mencapai tahap keupayaan yang lebih baik dengan melaksanakan proses bimbingan dan pengukuhan.

6.1.4 Pemulihan

Program pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan maujud, alat permainan dan lain-lain yang boleh digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan program ini adalah mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran.

6.1.5 Pengayaan

Program pengayaan disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid hendaklah diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan bacaan tambahan, kad, permainan dan bahan aktiviti boleh diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

6.2 Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

6.3 Pendekatan Tematik

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu diajar berdasarkan tema. Ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan dan kosa kata bertambah dan dapat dikembangkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu, hal persendirian dan isu kemasyarakatan, menghargai warisan, mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa. Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

6.3.1 Kekeluargaan

Tema kekeluargaan merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar menghargai dan menghormati setiap ahli keluarga.

6.3.2 Kemasyarakatan

Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, hormat-menghormati, bekerjasama dan bertanggungjawab.

6.3.3 Kesihatan dan Kebersihan

Tema kesihatan dan kebersihan, merujuk kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.

6.3.4 Keselamatan

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran agar mengutamakan keselamatan.

6.3.5 Perpaduan

Tema perpaduan merujuk kepentingan hubungan erat yang terbentuk hasil daripada toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid dalam usaha memupuk semangat perpaduan.

6.3.6 Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

6.3.7 Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan merujuk kepada keupayaan murid menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi negara. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani, yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.

6.3.8 Sains, Teknologi dan Inovasi

Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.

6.3.9 Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk keupayaan murid menjaga dan mengurus alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini sesuai diajarkan agar murid cinta dan prihatin serta bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.

6.3.10 Pertanian dan Penternakan

Tema pertanian dan penternakan memberi murid pendedahan perihal asas-asas pertanian dan penternakan secara tradisional dan moden. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian dan penternakan dalam kehidupan.

6.3.11 Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan. Manakala pengurusan kewangan pula menekankan tentang tanggungjawab dalam menguruskan kewangan dengan bijak. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi, membudayakan sikap keusahawanan dan celik kewangan dalam kehidupan.

6.4 Kepelbagaian Kaedah dan Teknik

Proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar. Guru boleh memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu mengajar, serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berkomunikasi dan berinteraksi serta berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

6.4.1 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui pelbagai aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa hadapan.

i. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kurikulum kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran abad ke-21 ini selari dengan enam aspirasi yang diperlukan oleh setiap murid supaya berupaya bersaing pada peringkat global yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir. Kemahiran berfikir telah ditekankan dalam kurikulum sejak tahun 1994 dengan menekan kepada pemikiran dari aras rendah sehingga aras tinggi. Bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberi penekanan kepada KBAT. KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan,

berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT adalah merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti Jadual 1.

KBAT	Penerangan
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

Jadual 1: Penerangan KBAT

Kemahiran ini ditulis secara eksplisit dalam setiap kurikulum mata pelajaran. KBAT boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats* serta penyoalan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah untuk menggalakkan murid berfikir. Murid diberi tanggungjawab dalam pembelajaran mereka.

6.4.2 Didik Hibur

Didik hiburan merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghibur, bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkukuh pemahaman dan mendorong murid untuk belajar. Didik hiburan dilaksanakan mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran serta menggunakan kepelbagaian strategi dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan cabaran, rasa ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan sihat dan pengiktirafan. Pendekatan ini dilaksanakan merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.

6.4.3 Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, masalah bukan mekanis, teka-teki, kuiz atau penggunaan kemahiran matematik dalam situasi sebenar. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir kritis dan kreatif.

6.4.4 Pembelajaran Berasaskan Projek

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan dapatannya. Ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

6.4.5 Pembelajaran Koperatif

Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif ini dapat menghasilkan satu tugas kumpulan, di samping mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

6.4.6 Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, muzik, kinestetik, visual ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

6.4.7 Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

6.4.8 Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

6.4.9 Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

6.4.10 Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

6.4.11 Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara sendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

6.4.12 Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

6.4.13 Pembelajaran Masteri

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80% aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baharu.

6.5 Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan pusat sumber dan komputer amatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, internet, bahan sastera dan bahan berunsur ilmu hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta untuk bacaan ekstensif.

STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Objektif Kemahiran Mendengar dan Bertutur adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan:

- i. mendengar, memahami, dan menyebut pelbagai ayat daripada pelbagai jenis ayat dan ragam ayat dengan betul dan tepat;
- ii. mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap arahan berdasarkan ayat perintah dan ayat tanya dengan betul;
- iii. mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pesanan dan menyampaikan pesanan menggunakan bahasa yang santun dalam pelbagai situasi dengan betul;
- iv. bertutur tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan ayat yang gramatis dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila;
- v. berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata gelaran dan kata ganti nama diri yang sesuai dengan betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila;
- vi. menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dengan memberikan alasan yang sesuai dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila;
- vii. bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan tepat, sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah;
- viii. berbicara untuk mendapatkan maklumat yang tersurat dan tersirat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber untuk membuat rumusan dan menyampaikannya dengan tepat menggunakan bahasa yang indah secara bertatasusila; dan
- ix. berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis dan kreatif tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.

**KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR
KELOMPOK SATU**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1.2 Mendengar, mengecam dan menyebut bunyi bahasa, iaitu abjad, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul.	1.2.6 Mendengar, memahami, dan menyebut ayat yang terdiri daripada pelbagai jenis ayat, dan ragam ayat dengan betul.	1	Memberikan respons dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat, dan ragam ayat yang diperdengarkan pada tahap sangat terhad.
	1.3.1 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap pelbagai arahan dengan berdasarkan ayat perintah dalam sesuatu situasi dengan betul.	2	Memberikan respons dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat, dan ragam ayat yang diperdengarkan pada tahap terhad.
1.3 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap sesuatu arahan, soalan, dan pesanan yang didengar dengan betul.	1.3.2 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap pelbagai soalan bertumpu dan soalan bercapah dengan betul.	3	Memberikan respons dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat, dan ragam ayat yang diperdengarkan pada tahap sesuai.
	1.3.3 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap pesanan dengan menyampaikan pesanan menggunakan bahasa yang santun dalam sesuatu situasi.	4	Memberikan respons dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat, dan ragam ayat yang diperdengarkan pada tahap kukuh.
	4.1.1, 4.2.1, 4.2.2, 4.4.1 5.1.4, 5.1.7, 5.2.1, 5.3.1, 5.3.2	5	Memberikan respons dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat, dan ragam ayat yang diperdengarkan pada tahap terperinci.
		6	Memberikan respons dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat, dan ragam ayat yang diperdengarkan pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

**KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR
KELOMPOK DUA**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1.4 Bertutur, berbual dan menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	1.4.1 Bertutur tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan ayat yang gramatis dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	1	Berkomunikasi secara bertatasusila bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat; dan mengemukakan pendapat pada tahap sangat terhad.
	1.4.2 Berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kata gelaran yang sesuai secara bertatasusila.	2	Berkomunikasi secara bertatasusila bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat; dan mengemukakan pendapat pada tahap terhad.
	1.4.3 Berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kata ganti nama yang sesuai dengan betul secara bertatasusila.	3	Berkomunikasi secara bertatasusila bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat; dan mengemukakan pendapat pada tahap sesuai.
	1.4.4 Menyatakan permintaan dengan memberikan alasan yang sesuai dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	4	Berkomunikasi secara bertatasusila bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat; dan mengemukakan pendapat pada tahap kukuh.
		5	Berkomunikasi secara bertatasusila bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat; dan mengemukakan pendapat pada tahap terperinci.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
<p>1.6 Berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila.</p>	<p>1.6.1 Berbicara bagi mendapatkan maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat rumusan dengan betul secara bertatasusila.</p> <p>1.6.2 Berbicara untuk menyampaikan maklumat dengan menerapkan bahasa yang indah secara bertatasusila.</p>	6	Berkomunikasi secara bertatasusila bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat; dan mengemukakan pendapat /pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.
<p>1.7 Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.</p>	<p>1.7.2 Berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis dan kreatif dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.</p> <p>4.3.1, 4.3.2 5.1.3, 5.1.6, 5.1.7, 5.3.1, 5.3.2</p>		

**KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR
KELOMPOK TIGA**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
<p>1.5 Bercerita dan menceritakan sesuatu perkara semula dengan tepat menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.</p>	<p>1.5.1 Bercerita dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai dengan menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah.</p>	1	Menyampaikan cerita dengan menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah, serta sebutan dan intonasi yang betul pada tahap sangat terhad.
	<p>1.5.2 Menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai dengan menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah.</p>	2	Menyampaikan cerita dengan menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah, serta sebutan dan intonasi yang betul pada tahap terhad.
		3	Menyampaikan cerita dengan menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah, serta sebutan dan intonasi yang betul pada tahap sesuai.
	<p>4.2.1, 4.2.2 5.1.1, 5.1.2, 5.1.5, 5.2.1, 5.2.2, 5.2.3</p>	4	Menyampaikan cerita dengan menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah, serta sebutan dan intonasi yang betul pada tahap kukuh.
		5	Menyampaikan cerita dengan menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah, serta sebutan dan intonasi yang betul pada tahap terperinci
		6	Menyampaikan cerita dengan menggunakan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat yang mengandungi bahasa yang indah, serta sebutan dan intonasi yang betul pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA

Objektif Kemahiran Membaca adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :

- i. membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dalam bahan bacaan prosa dan puisi dengan sebutan yang betul;
- ii. membaca pelbagai jenis ayat dan ragam ayat daripada pelbagai bahan bacaan secara mekanis dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- iii. membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk membuat ulasan, rumusan dan keputusan dengan memberikan alasan yang betul;
- iv. membaca, memahami, dan menyusun maklumat daripada pelbagai bahan dan memindahkannya dalam bentuk grafik;
- v. membaca, memahami, dan menaakul maklumat daripada bahan dan memindahkannya dalam bentuk grafik, prosa dan puisi; dan
- vi. membaca dan memahami bahan sastera dan bahan bukan sastera untuk menghasilkan idea baharu.

**KEMAHIRAN MEMBACA
KELOMPOK SATU**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
2.2 Membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul.	2.2.3 Membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dalam bahan bacaan prosa dan puisi dengan sebutan yang betul.	1	Membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dengan sebutan yang betul; serta membaca jenis ayat dan ragam ayat secara mekanis dengan betul pada tahap sangat terhad
		2	Membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dengan sebutan yang betul; serta membaca jenis ayat dan ragam ayat secara mekanis dengan pada tahap terhad.
2.3 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul	2.3.1 Membaca sesuatu bahan yang mengandungi pelbagai jenis ayat dan ragam ayat secara mekanis.	3	Membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dengan sebutan yang betul; serta membaca jenis ayat dan ragam ayat secara mekanis dengan pada tahap sesuai.
		2.3.2 Membaca pelbagai bahan yang mengandungi ayat tunggal, dan ayat majmuk dengan pelbagai keterangan secara mekanis.	4
	4.1.1, 4.4.1 5.1.1, 5.1.2, 5.1.3, 5.1.6, 5.3.1, 5.3.2		5
		6	Membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dengan sebutan yang betul; serta membaca jenis ayat dan ragam ayat secara mekanis dengan pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

**KEMAHIRAN MEMBACA
KELOMPOK DUA**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
2.4 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberikan respons dengan betul.	2.4.1 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat ulasan dengan betul.	1	Membaca dan memahami maklumat untuk membuat ulasan, rumusan dan keputusan dengan betul pada tahap sangat terhad.
	2.4.2 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat rumusan dengan betul.	2	Membaca dan memahami maklumat untuk membuat ulasan, rumusan dan keputusan dengan betul pada tahap terhad.
	2.4.3 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat keputusan dengan memberikan alasan.	3	Membaca dan memahami maklumat untuk membuat ulasan, rumusan dan keputusan dengan betul pada tahap sesuai.
		4	Membaca dan memahami maklumat untuk membuat ulasan, rumusan dan keputusan dengan betul pada tahap kukuh.
	4.1.1, 4.4.1 5.1.1, 5.1.2, 5.1.3, 5.1.6, 5.1.7, 5.3.1, 5.3.2	5	Membaca dan memahami maklumat untuk membuat ulasan, rumusan dan keputusan dengan betul pada tahap terperinci.
		6	Membaca dan memahami maklumat untuk membuat ulasan, rumusan dan keputusan dengan betul pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

**KEMAHIRAN MEMBACA
KELOMPOK TIGA**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
2.5 Membaca, memahami dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan dengan betul.	2.5.1 Membaca dan memahami bahan untuk memindahkan maklumat dalam bentuk grafik.	1	Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat dengan betul; serta menghasilkan idea baharu pada tahap sangat terhad.
	2.5.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat mengikut keutamaan ke dalam bentuk grafik.	2	Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat dengan betul; serta menghasilkan idea baharu pada tahap terhad.
	2.5.3 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat kepada bentuk grafik, puisi, atau prosa.	3	Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat dengan betul; serta menghasilkan idea baharu pada tahap sesuai.
2.6 Membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang sesuai bagi memupuk minat membaca.	2.6.1 Membaca bahan sastera untuk menghasilkan idea baharu.	4	Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat dengan betul; serta menghasilkan idea baharu pada tahap kukuh.
	2.6.2 Membaca bahan bukan sastera untuk menghasilkan idea baharu.	5	Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat dengan betul; serta menghasilkan idea baharu pada tahap terperinci.
	4.1.1, 4.3.1, 4.3.2, 4.4.1 5.1.1, 5.1.2, 5.1.3, 5.1.6, 5.2.1, 5.2.1, 5.2.2, 5.2.3, 5.3.1, 5.3.2	6	Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk memindahkan maklumat dengan betul; serta menghasilkan idea baharu pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS

Objektif Kemahiran Menulis adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :

- i. menulis teks prosa dan puisi secara mekanis dengan betul dan kemas;
- ii. menulis teks prosa dan puisi secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas;
- iii. membina dan menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif dengan betul;;
- iv. membina kerangka, dan menulis pelbagai jenis karangan dengan betul;
- v. menulis perkataan, frasa, dan teks prosa yang diimlakkan dengan ejaan dan tanda baca yang tepat.
- vi. mencatat maklumat dengan betul daripada pelbagai sumber dalam bentuk grafik;
- vii. menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul menggunakan idea utama dan idea sampingan secara kohezi dan koheren dalam bentuk karangan berformat dengan bahasa yang santun;
- viii. menghasilkan penulisan kreatif jenis imaginatif dan deskriptif menggunakan bahasa yang menarik dengan betul;
- ix. mengedit dan memurnikan hasil penulisan dari segi aspek tatabahasa dan penggunaan kata dengan betul; dan
- x. menulis ulasan tentang bahan sastera dan bukan sastera yang didengar, ditonton dan dibaca dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**KEMAHIRAN MENULIS
KELOMPOK SATU**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
3.2 Menulis huruf, suku kata, perkataan, frasa, dan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas.	3.2.6 Menulis teks prosa dan puisi secara mekanis dengan betul dan kemas.	1	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan kemas; menulis ayat yang diimlakkan dengan tepat; mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terhad.
	3.2.7 Menulis teks prosa dan puisi secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas.	2	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan kemas; menulis ayat yang diimlakkan dengan tepat; mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap terhad.
3.4 Menulis imlak dengan tepat.	3.4.1 Menulis perkataan dan frasa yang diimlakkan dengan menggunakan ejaan yang tepat.	3	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan kemas; menulis ayat yang diimlakkan dengan tepat; mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sesuai.
	3.4.2 Menulis pelbagai teks prosa yang diimlakkan dengan menggunakan ejaan dan tanda baca yang tepat.	4	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan kemas; menulis ayat yang diimlakkan dengan tepat; mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap kukuh.
3.8 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan betul.	3.8.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan.	5	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan kemas; menulis ayat yang diimlakkan dengan tepat; mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap terperinci.
	4.1.1, 4.1.2, 4.2.1 5.1.1, 5.1.2	6	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan kemas; menulis ayat yang diimlakkan dengan tepat; mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terperinci, konsisten dan, menjadi model teladan.

**KEMAHIRAN MENULIS
KELOMPOK DUA**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
3.3 Membina dan menulis perkataan, frasa, dan ayat dengan betul.	3.3.3 Membina dan menulis jawapan secara kritis dan kreatif dengan betul.	1	Menulis jawapan secara kritis dan kreatif, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis karangan pada tahap sangat terhad.
	3.3.4 Membina kerangka, dan menulis pelbagai jenis karangan.	2	Menulis jawapan secara kritis dan kreatif, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis karangan pada tahap terhad.
3.5 Mencatat maklumat yang betul tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.	3.5.2 Mencatat maklumat daripada pelbagai sumber dalam bentuk grafik.	3	Menulis jawapan secara kritis dan kreatif, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis karangan pada tahap sesuai.
	3.6 Menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun.	3.6.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan idea utama dan idea sampingan secara kohesi dan koheren.	4
3.6.2 Menulis untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk karangan berformat dengan menggunakan bahasa yang santun.		5	Menulis jawapan secara kritis dan kreatif, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis karangan pada tahap terperinci.
4.2.2, 4.3.2 5.1.3, 5.1.6, 5.1.7, 5.3.1		6	Menulis jawapan secara kritis dan kreatif, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis karangan pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

**KEMAHIRAN MENULIS
KELOMPOK TIGA**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN
3.7 Menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul. 3.9 Menulis ulasan tentang pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang didengar, ditonton atau dibaca dengan betul.	3.7.1 Menghasilkan perenggan yang kohesi dan koheran dengan betul.	1	Menulis teks secara kohesi dan koheren; menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif; dan menulis ulasan pada tahap sangat terhad.
	3.7.2 Menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif dengan menggunakan bahasa yang menarik.	2	Menulis teks secara kohesi dan koheren; menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif; dan menulis ulasan pada tahap terhad.
	3.9.1 Menulis ulasan tentang sesuatu bahan sastera dan bukan sastera dengan menggunakan ayat yang gramatis.	3	Menulis teks secara kohesi dan koheren; menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif; dan menulis ulasan pada tahap sesuai.
	4.4.1, 4.4.2 5.1.4, 5.1.6, 5.1.7, 5.2.3	4	Menulis teks secara kohesi dan koheren; menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif; dan menulis ulasan pada tahap kukuh.
		5	Menulis teks secara kohesi dan koheren; menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif; dan menulis ulasan pada tahap terperinci.
		6	Menulis teks untuk menyampaikan maklumat secara kohesi dan koheren dengan menggunakan bahasa yang santun; menghasilkan draf penulisan dan penulisan kreatif dengan betul pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN ASPEK SENI BAHASA

Objektif Aspek Seni Bahasa untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :

- i. menyebut dan memahami seni kata lagu, dengan melahirkan imajinasinya melalui hasil karya sastera;
- ii. mengubah seni kata lagu semula dan mempersembahkannya melalui nyanyian;
- iii. mengujarkan cerita menggunakan bahasa yang indah dan ayat yang gramatis untuk menyampaikan idea dengan bahasa badan yang kreatif;
- iv. mengujarkan dialog yang dihasilkan untuk menyampaikan mesej menggunakan bahasa yang indah serta bahasa badan yang kreatif melalui lakonan;
- v. melafazkan puisi dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami puisi tersebut; dan
- vi. mencipta puisi dengan bahasa yang indah dan melafazkannya dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahaminya.

ASPEK SENI BAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
4.1 Menyebut dan memahami unsur seni dalam lagu melalui nyanyian secara didik hibur.	4.1.1 Menyebut dan memahami seni kata lagu dengan melahirkan imaginasi melalui penghasilan karya sastera. 4.1.2 Memahami dan mengubah suai seni kata lagu secara bebas dan mempersembahkannya melalui nyanyian secara didik hibur.	<p>Dalam Aspek Seni Bahasa, pentaksiran kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis juga boleh dilaksanakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.</p>
4.2 Mengujarkan bahasa yang indah dan menggunakan bahasa badan secara kreatif semasa bercerita secara didik hibur.	4.2.1 Mengujarkan cerita dengan menggunakan bahasa yang indah dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas. 4.2.2 Mengujarkan cerita dengan menggunakan bahasa yang indah dan ayat yang gramatis untuk menyampaikan idea secara kreatif.	
4.3 Mengujarkan bahasa yang indah dan menggunakan bahasa badan dengan kreatif melalui lakonan secara didik hibur.	4.3.1 Mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul, dan jelas, bahasa yang indah serta bahasa badan yang kreatif melalui lakonan. 4.3.2 Mengujarkan dialog yang dihasilkan untuk menyampaikan mesej dengan menggunakan bahasa yang indah serta bahasa badan yang kreatif melalui lakonan.	
4.4 Melafazkan dan memahami puisi dengan intonasi yang betul menggunakan bahasa yang indah secara didik hibur.	4.4.1 Melafazkan puisi dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami puisi tersebut. 4.4.2 Mencipta puisi dengan menggunakan bahasa yang indah dan melafazkannya dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.	

STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN ASPEK TATABAHASA

Objektif Aspek Tatabahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. memahami dan menggunakan kata nama dan penjodoh bilangan mengikut konteks dengan betul;
- ii. memahami dan menggunakan kata kerja, kata bantu, kata adjektif, kata penguat, kata penegas, kata hubung, kata adverba mengikut konteks dengan betul;
- iii. memahami dan menggunakan pelbagai kata tugas mengikut konteks dengan betul;
- iv. memahami dan menggunakan pelbagai imbuhan, kata ganda dan kata majmuk dalam pelbagai situasi dengan betul; dan
- v. memahami dan membina ayat songsang yang betul dalam pelbagai situasi; dan
- vi. memahami dan membina ayat dalam teks menggunakan penanda wacana dengan betul.

ASPEK TATABAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dengan betul mengikut konteks.	5.1.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata nama am dan penjodoh bilangan mengikut konteks dengan betul.	<p>Dalam Aspek Tatabahasa, pentaksiran kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis juga boleh dilaksanakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran Aspek Tatabahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.</p>
	5.1.2 Memahami dan menggunakan pelbagai kata nama khas mengikut konteks dengan betul.	
	5.1.3 Memahami dan menggunakan pelbagai kata ganti nama mengikut konteks dengan betul.	
	5.1.4 Memahami dan menggunakan pelbagai kata kerja dan kata bantu mengikut konteks dengan betul.	
	5.1.5 Memahami dan menggunakan pelbagai jenis kata adjektif, kata adverba, kata penguat, dan kata penegas mengikut konteks dengan betul.	
	5.1.6 Memahami dan menggunakan pelbagai kata hubung mengikut konteks dengan betul.	
	5.1.7 Memahami dan menggunakan pelbagai kata tugas mengikut konteks dengan betul.	
5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata yang sesuai dalam pelbagai situasi dengan betul.	5.2.1 Memahami dan menggunakan pelbagai imbuhan dalam pelbagai situasi dengan betul.	
	5.2.2 Memahami dan menggunakan pelbagai jenis kata ganda dalam pelbagai situasi dengan betul.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
	5.2.3 Memahami dan menggunakan pelbagai kata majmuk dalam pelbagai situasi dengan betul.	
5.3 Memahami dan membina ayat yang betul dalam pelbagai situasi.	5.3.1 Memahami dan membina ayat songsang yang betul dalam pelbagai situasi .	
	5.3.2 Memahami dan membina ayat dalam teks menggunakan penanda wacana dengan betul.	

GLOSARI

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
alasan	sesuatu (bukti, keterangan dan lain-lain) yang dijadikan asas atau dasar bagi sesuatu (tindakan, pendapat dan lain-lain).
aspek (aspék)	segi, sudut, bahagian untuk diberikan perhatian dan sebagainya.
ayat songsang	susunan ayat yang berlawanan daripada pola biasa yang mana predikat mendahului subjek. (<i>Rujuk tata bahasa dewan muka surat 436 – 437</i>)
bahan grafik	bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea
berbicara	bercakap untuk mengemukakan pendapat
berbual	berborak atau beromong
bercerita	bercakap tentang sesuatu; mengisahkan sesuatu
bertatasusila	adat sopan santun dan budi pekerti yang baik
bertutur	bercakap atau berkata-kata - hanya mengujarkan kata-kata.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
deskriptif	keterangan yang bertujuan memberi gambaran
diftong (lin)	gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah seperti <i>ai</i> , <i>au</i> dan <i>oi</i> .
digraf	dua huruf berturut-turut yang mewakili satu bunyi seperti <i>ng</i> , <i>ny</i> , <i>sy</i>
diksi	pemilihan dan penggunaan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea secara lisan dan bertulis
ekstensif	(éksténsif) luas liputannya.
gerak laku	tingkah laku atau gerak geri, perbuatan atau kelakuan
grafik	maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea
gramatis	berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa
idea	buah fikiran, gagasan

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
idea sampingan	idea dalam bentuk huraian dan contoh bagi menyokong dan menerangkan idea utama
idea utama	buah fikiran yang penting menerangkan maksud keseluruhan perenggan
imaginatif	tercipta daripada daya khayalan dan imaginasi atau daya kreatif berasaskan khayalan
jeda atau berjeda	berhenti sebentar
karangan terkawal	karangan terkawal ialah segala isi dan bahasanya sedia terkawal oleh guru (<i>menurut Salleh Akib, 1975:135</i>) atau susunan dikawal ketat dan sedikit-sedikit dipimpin ke arah karangan bebas
karangan berpandu	karangan berpandu ialah satu penulisan karangan berdasarkan panduan guru atau murid bebas mengeluarkan idea dengan panduan atau batasan yang diberi
kata gelaran	jenama kekeluargaan, gelaran pergaulan bebas, gelaran pergaulan tak bersahaja (formal), gelaran warisan, gabungan gelaran dan rujukan hormat
kata panggilan	kata dan ungkapan panggilan nama bergantung kepada kedudukan, pangkat, umur dan keakraban hubungan.
klasifikasi	penyusunan mengikut kelas atau susunan sistematik ke dalam kumpulan menurut kriteria yang ditetapkan

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
koheren	perhubungan, bersangkutan paut, ada kesinambungan (keterikatan) antara satu ayat dengan satu ayat yang lain (dalam sesuatu wacana) supaya mudah difahami.
konsep	pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu
kreatif	mempunyai kebolehan mengembangkan sesuatu idea
kritis	tidak dengan begitu sahaja menerima atau memersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu)
kronologi	susunan peristiwa atau kejadian menurut masa berlakunya peristiwa berkenaan.
laras bahasa	ragam bahasa (bahasa istana, bahasa sains, bahasa klasik dan lain-lain)
memurnikan	membersihkan atau menulis semula perkataan, frasa atau ayat yang betul hasil daripada pengeditan
menaakul	hal membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal atau tinjauan akal atau membuat pertimbangan dengan logik
menceritakan	bercerita tentang sesuatu yang telah didengar, dilihat dan dibaca

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
mengecam	kenal atau ingat sesuatu yang dilihat dan didengar
mengedit	menyunting atau menandai kesalahan pada perkataan, frasa atau ayat
mengimlakan	menyebut atau membaca supaya ditulis oleh orang lain
mengujarkan	mengucapkan, menuturkan atau menyebutkan
modul	unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar
multimedia	pelbagai media seperti media cetak dan media elektronik atau bahan elektronik yang mengandungi pelbagai media seperti animasi, data, suara, gerakan dan sebagainya yang bersifat interaktif
naratif	cerita peristiwa atau pengalaman
pandangan	anggapan, pendapat, tanggapan, fikiran pada sesuatu yang dilihat, dibaca dan didengar

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
pelbagai bahan	beberapa pilihan bahan
pelbagai sumber	pelbagai punca
pendapat	kesimpulan yang dibuat atau diperolehi daripada berfikir pada sesuatu yang dilihat, dibaca dan didengar
pendekatan modular	pendekatan yang mana kurikulum distrukturkan kepada struktur yang lebih kecil yang dinamakan sebagai modul
perasaan	perihal merasa(i) dalam hati atau batin, hasil atau perbuatan merasa dalam hati atau batin, sentimen suka, minat, ingin tahu
pertautan idea	pertalian atau perhubungan idea antara dua ayat atau dua perenggan
pola ayat	contoh atau model ayat yang dibina atau rangka dasar ayat. Terdapat 4 pola ayat dasar. (Rujuk <i>Tatabahasa Dewan: ms 418 – 419</i>)
prinsip	asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan, atau hukum sesuatu teori dan lain-lain
prosa	karangan yang bertulis dengan bahasa yang biasa (tidak berbentuk sajak)

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
ramalan	sesuatu yang diramalkan, dugaan, telahan, tekaan
respons	reaksi
soalan bercapah	soalan yang berpecah daripada sesuatu tumpuan
soalan bertumpu	soalan yang memerlukan jawapan yang bersifat objektif dan dinyatakan dalam teks
susunan	sesuatu yang diletakkan nya bersusun
transformasi	perubahan bentuk atau sifat, rupa, keadaan dan lain-lain.
tulisan mekanis (mékanis)	melakukan sesuatu tanpa perlu berfikir dan hanya meniru dan menyalin sahaja
ulasan	huraian tentang sesuatu, kupasan, tafsiran.
urutan	susunan kejadian yang berturut-turut, susunan teratur, rentetan